

# MALAYSIA UM 31 JUL 1987 BERHARAP SOVIET AKAN TAMATKAN PERLUMBAAN SENJATA

MOSCOW 30 Julai —  
Malaysia menaruh harapan  
kepimpinan baru di Soviet  
Union akan benar - benar  
menamatkan perlumbaan  
senjatanya dan  
menghapuskan persaingan  
kuasa besar di rantau Asia  
Pasifik yang  
membimbangkan Malaysia  
dan rakan - rakannya  
dalam ASEAN.

Perdana Menteri Datuk Sri  
Dr. Mahathir Mohamad  
berkata, daya usaha yang  
sedang diambil oleh Soviet  
Union ke arah perlucutan  
senjata nuklear dengan  
Amerika Syarikat amat  
dialu - alukan.

Langkah ini, tegas beliau  
menunjukkan bahawa  
kepimpinan baru di Soviet  
Union sekarang yang lebih  
terbuka dan ingin  
mengelakkan konfrontasi  
bila mengatasi masalah,  
sedang membawa kuasa  
besar ini menuju ke suatu  
arah baru.

Berucap di majlis makan  
malam meraikannya di sini,  
Datuk Sri Dr. Mahathir  
berkata, Malaysia  
berharap rundingan  
perlucutan senjata antara  
Soviet Union dengan  
Amerika Syarikat yang  
sedang berlangsung di  
Geneva sekarang akan  
membawa hasil untuk  
kebaikan manusia sejagat.  
Minggu lalu, pemimpin  
Soviet, Mikhail Gorbachev  
menegaskan bahawa bagi  
memenuhi kehendak negara  
- negara Asia, Soviet Union  
sedia bersetuju untuk  
menarik semua peluru  
berpandu jarak sederhana  
yang ditempatkan di

Dari  
Khalid Mohd.

bahagian Asia dan barat  
negaranya.  
Tawaran Gorbachev ini  
dianggap sebagai langkah  
yang boleh menghapuskan  
salah satu daripada

halangan besar kepada  
pencapaian persetujuan  
antara kedua - dua kuasa  
besar itu mengenai  
perlucutan senjata nuklear.  
Datuk Sri Dr. Mahathir juga  
menegaskan bahawa  
kesediaan Soviet Union  
**LIHAT MUKA 6**

**MALAYSIA BERHARAP SOVIET AKAN TAMATKAN PERLUMBAAN SENJATA**

untuk memperkukuhkan hubungannya dengan negara - negara Asia Pasifik termasuk Malaysia, mencerminkan kesungguhan kepemimpinan baru di Soviet Union sekarang untuk mengendurkan ketegangan dan mencari keamanan lebih - lebih lagi kerana Malaysia mengiktiraf Soviet Union sebagai sebahagian daripada Asia Pasifik. Perdana Menteri menambah, kesediaan Soviet Union untuk memperbaiki hubungannya dengan China dan Jepun serta hasrat untuk mengundurkan tenteranya dari bumi asing yang didudukinya juga memberikan harapan baru kepada kestabilan dan keamanan dunia. Beliau berkata Malaysia dan anggota-anggota ASEAN yang lain memandang berat terhadap masa depan rantau Pasifik dari segi keamanan, kestabilan dan kerjasama serantau. "Kami percaya usaha - usaha awal hendaklah ditumpukan kepada

penghapusan ketegangan serantau itu yang diakibatkan oleh keadaan - keadaan konflik yang telah membawa kepada persaingan kuasa-kuasa besar yang lebih hebat yang memecahbelah dan merosakkan rantau tersebut, tegasnya. "Perdana Menteri menegaskan, Malaysia memandang berat dan bimbang dengan konflik di Afghanistan dan Kampuchea yang mana penyelesaian kepada masalah di kedua - dua negara itu menjadi kunci kepada pencapaian keamanan di rantau itu. Oleh itu, katanya, Soviet Union perlu memainkan peranannya untuk memastikan konflik di negara - negara tersebut diselesaikan secepat mungkin. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian Soviet Union terhadap konsep rantau aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara yang dianjurkan oleh ASEAN dan betapa negara -

negara di rantau itu dibenar menentukan nasib mereka sendiri dan memikul tanggungjawab sendiri terhadap keselamatan mereka. Sebagai anggota Pertubuhan Persidangan Islam, katanya, Malaysia amat memandang berat dengan keadaan di Afghanistan dan menambah: "Kami tidak dapat menerima apa yang berlaku ke atas negara itu yang merdeka dan berdaulat." Perdana Menteri berkata Malaysia mengalu - alukan dasar Soviet Union untuk mengundurkan tenteranya dari negara itu dan berharap satu penyelesaian segera akan dicapai. "Bagi kami, prinsip menentukan nasib sendiri hendaklah dibiarkan berlaku di Afghanistan. "Walaupun kami sebuah negara kecil, kami tetap akan bersuara menentang sebarang perbuatan di mana prinsip asas hubungan antara dua buah

negara diketepikan dan dinodai," tegasnya. Di Kampuchea juga, ujar beliau, kuasa asing telah menodai prinsip tersebut dan mencetuskan satu amalan yang merbahaya. Dalam hubungan ini, tambah Perdana Menteri, negara - negara ASEAN telahpun membuat cadangan - cadangan munasabah ke arah mencari penyelesaian terhadap isu Kampuchea dan ia mendapat sokongan kuat dari masyarakat antarabangsa. Cadangan tersebut melibatkan pengunduran tentera asing dan menggantikan mereka dengan pasukan pengaman antarabangsa untuk memastikan tidak ada pihak yang akan menguasai Kampuchea dalam masa sebelum pilihanraya bagi memilih kerajaan yang bebas dan berkecuali diadakan. Dengan cara - cara ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir kepentingan - kepentingan

kuasa - kuasa asing akan juga terpelihara. "ASEAN bekerja keras untuk mencari penyelesaian Kampuchea dan kami percaya peranan Soviet Union dalam proses ini amat mustahak," katanya. Perdana Menteri menarik perhatian dalam ucapan tersebut bahawa hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur dengan Moscow mencapai usia 20 tahun sekarang dan berbagai kemajuan telah dicapai dalam tempoh itu. Berdasarkan hubungan yang sudah agak lama itu, katanya, lawatan beliau ke Soviet Union diharap dapat meningkatkan lagi kerjasama kedua buah negara dalam berbagai bidang khususnya perdagangan. "Tujuan utama lawatan saya ke sini adalah untuk memperkukuhkan hubungan tersebut dan membincangkan masa depan kerjasama antara kita," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.